

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

**CMM202 - Multimedia dan Internet**

Masa: [1 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA Bahagian** di dalam **TUJUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
- Jawab **SEMUA** soalan di **bahagian A** di atas borang OMR.
- Jawab **SEMUA** soalan di **bahagian B** di dalam buku jawapan.
- Anda **TIDAK** dibenarkan membawa keluar kertas soalan ini dari bilik peperiksaan. Selepas tamat peperiksaan, kertas soalan ini akan dipungut bersama-sama dengan borang OMR dan buku jawapan.

**BAHAGIAN A**

Sila jawab bahagian ini di atas borang OMR. Hitamkan dengan JELAS jawapan pilihan anda.

1. Untuk membolehkan sesuatu dokumen itu dipanggil dokumen "hypertext", ia mestilah mengandungi
  - (A) teks
  - (B) pautan
  - (C) grafik
  - (D) bunyi
  - (E) Semua di atas
  
2. Alat mengarang dikategorikan berdasarkan kepada jenis:
  - I. kad atau muka surat.
  - II. berorientasi-objek.
  - III. masa.
  - IV. arca atau berpandu tindakan.
  - (A) I sahaja.
  - (B) I dan II.
  - (C) I, II dan III.
  - (D) Tiada jawapan di atas.
  - (E) Semua di atas.
  
3. URL adalah
  - (A) protokol internet
  - (B) alamat laman Web
  - (C) senarai tapak Web yang baru sahaja dilawati
  - (D) semua di atas
  - (E) tiada satu pun di atas
  
4. Senarai mel (mailing list)
  - (A) membenarkan anda berkomunikasi maksimum dengan 10 orang pengguna sahaja.
  - (B) berasaskan alat pelayaran (browser).
  - (C) menggunakan 'listserver' atau 'listprocessor' untuk memproses mesej.
  - (D) menggunakan protokol FTP untuk memindahkan maklumat.
  - (E) mesti menggunakan alat pelayaran WWW untuk memproses maklumat.

5. Untuk melanggan kepada satu listserv bernama ALIST-L di anyu.edu, anda boleh menghantar mesej kepada
- (A) ALIST-L@anyu.edu
  - (B) listserv@ALIST-L.anyu.edu
  - (C) listserv@anyu.edu
  - (D) ALIST-L@listserv.anyu.edu
  - (E) Tiada satupun yang di atas
6. Apabila sebahagian daripada gambar digunakan untuk mencetuskan kejadian multimedia (trigger multimedia events), ia dipanggil
- (A) butang
  - (B) hypergambar
  - (C) ikon
  - (D) pautan
  - (E) teks
7. \_\_\_\_\_ merupakan protokol internet yang menentukan bagaimana e-mel dipindah terima (download) dari pelayan ke komputer anda.
- (A) SMTP
  - (B) POP
  - (C) MIME
  - (D) TCP/IP
  - (E) HTTP
8. Pemampatan fail bermaksud
- (A) Kurang ruang digunakan untuk menyimpan fail
  - (B) kurang masa diperlukan untuk memindahkan fail
  - (C) Fail boleh dikembangkan semula kepada keadaan asalnya
  - (D) (A) dan (B) sahaja
  - (E) (A) , (B) dan (C)
9. CD-ROM boleh menyimpan lebih kurang \_\_\_\_\_ data.
- (A) satu gigabait
  - (B) 500 megabait
  - (C) 750 megabait
  - (D) 900 megabait
  - (E) 650 megabait
- X10. Setiap dokumen web mesti bermula dan berakhir dengan
- (A) <HTML> dan <HTML>
  - (B) <BODY> dan </BODY>
  - (C) <HTML> dan </HTML>
  - (D) <TITLE> dan </TITLE>
  - (E) <START> dan </END>

11. Apabila satu laman web dipaparkan pada alat pelayaran (browser), tajuk biasanya muncul pada
- (A) bar tajuk
  - (B) dokumen
  - (C) bar status
  - (D) teks bergaris biru
  - (E) kesemua di atas
12. Yang manakah diantara format audio berikut merupakan kategori format audio yang biasanya digunakan pada mikrokomputer PC.
- I. AVI
  - II. Wav
  - III. MIDI
  - IV. DVI
- (A) I sahaja
  - (B) II dan III
  - (C) I, II dan III
  - (D) Tiada jawapan di atas
  - (E) Semua di atas
13. Apabila anda ingin memainkan cerita VideoCD pada komputer PC anda, keperluan sistem yang perlu ada pada komputer PC anda adalah
- I. Cakera keras yang bersaiz besar (lebih kurang 1 GB)
  - II. Pemacu CD-ROM
  - III. Kad Suara
  - IV. Kad MPEG
- (A) I sahaja.
  - (B) I, II dan III.
  - (C) II, III dan IV.
  - (D) II dan III.
  - (E) Semua di atas.
14. Persembahan multimedia boleh dikategorikan kepada
- I. multimedia berorientasi objek
  - II. multimedia berjujukan (linear)
  - III. multimedia pendidikan
  - IV. multimedia interaktif
- (A) I sahaja.
  - (B) I dan II.
  - (C) II dan IV.
  - (D) II, III dan IV.
  - (E) Semua di atas.

15. Yang manakah di antara berikut merupakan sistem multimedia .
- I. buku elektronik.
  - II. sistem maklumat kiosk.
  - III. persembahan desktop multimedia.
  - IV. CD-ROM.
- (A) I sahaja.
  - (B) I dan II.
  - (C) I, II dan III.
  - (D) I, II dan IV.
  - (E) Semua di atas.
- x 16. Yang manakah merupakan contoh enjin carian (search engine) ?
- I. Yahoo! ✓
  - II. Magellan
  - III. Bigfoot
  - IV. WebCrawler
- (A) I sahaja.
  - (B) I dan II.
  - (C) I, II dan IV.
  - (D) I, II, III dan IV.
  - (E) I dan IV.
17. \_\_\_\_\_ dianggap sebagai telepersidangan masa-sebenar yang tidak mempunyai limit ke atas bilangan pengguna yang boleh menyertainya pada sesuatu masa.
- (A) FTP
  - (B) WWW
  - (C) e-mel
  - (D) IRC
  - (E) Gopher
18. Archie membenarkan anda melakukan carian
- (A) tapak carian awam telnet.
  - (B) tapak WWW menggunakan alat pelayaran berasaskan teks.
  - (C) tapak 'FTP anonymous' dengan menggunakan nama fail.
  - (D) tapak Hytelnet dengan menggunakan nama fail.
  - (E) ruang gopher (Gopherspace).

19. Sekiranya pembangun sistem menggunakan 'font' yang tiada pada komputer pengguna, maka 'font' tersebut
- (A) tidak akan kelihatan sebagaimana ianya direka bentuk.
  - (B) akan dimuatkan ke dalam komputer pengguna secara automatik oleh atur cara aplikasi.
  - (C) akan dilalaikan secara automatik kepada Times New Roman.
  - (D) akan dilalaikan secara automatik kepada 'font' pencetak.
  - (E) tiada satupun di atas.
20. Skrin persembahan interaktif multimedia biasanya mengandungi 5 kawasan utama terdiri daripada :
- (A) Tajuk, muka surat, arahan, kawalan interaktif, sebutan (narration).
  - (B) Tajuk, panduan, dialog, muka surat, sebutan (narration).
  - (C) Tajuk, kawasan tindakan, dialog, kawalan interaktif, sebutan (narration).
  - (D) Tajuk, kawasan tindakan, dialog, kawalan interaktif, muka surat.
  - (E) Tajuk, kawasan tindakan, dialog, kawalan interaktif, menu.

(20 markah)

**BAHAGIAN B**

Sila jawab bahagian ini dalam buku jawapan yang disediakan.

1. (a) Berikan contoh e-mel bagi persekitaran berikut :
- (i) Unix (sistem berasaskan menu)
  - (ii) PC (sistem berasaskan tettingkap)
- (b) Apakah perbezaan utama antara kedua-dua jenis e-mel ini ?
- (c) Jelaskan proses penerimaan e-mel dalam salah satu persekitaran di atas.

(25 markah)

2. Soalan-soalan berikut adalah merujuk kepada penggunaan micromind director.
- (a) Berikan cara untuk menukar warna "stage" daripada warna biru kepada warna merah.
  - (b) Terangkan cara untuk mengimport video.
  - (c) Berikan arahan lingo untuk memainkan semula tayangan movie dari mula ke akhir berulang kali.

(20 markah)

3. Anda telah diminta untuk membangunkan sebuah Sistem Maklumat Multimedia Pengenalan Kepada Nombor dan Abjad bagi kegunaan kanak-kanak di peringkat pra sekolah. Sehubungan itu, anda diminta untuk menyediakan carta berstruktur Sistem Multimedia Pengenalan Kepada Nombor dan Abjad ini. Semasa menyediakan carta berstruktur tersebut, cadangkan jenis peta pelayaran yang digunakan.

(20 markah)

4. Satu laman Web tentang Universiti Sains Malaysia mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- Kata-kata aluan

SELAMAT DATANG KE UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
WELCOME TO UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

- Nama pusat-pusat pengajian dan jabatan-jabatan di USM berserta gambar bangunan berkenaan.
  - Maklumat terperinci tentang pusat pengajian / jabatan tersebut boleh diperolehi apabila pengguna klik sama ada pada nama jabatan / pusat pengajian ataupun pada gambar.
  - Laman ini juga menyediakan capaian ke laman web universiti-universiti lain yang berada di dalam komputer pelayan universiti masing-masing.
- (a) Bagaimanakah anda akan memautkan laman ini dengan laman web Universiti Utara Malaysia sekiranya pautan perlu berlaku apabila pengguna klik perkataan "UUM" yang terdapat di dalam ayat " Kursus Sains Komputer juga ditawarkan di universiti-universiti lain seperti UUM, UKM, UTM, UM dan UPM ". Alamat web UUM adalah [www.uum.my](http://www.uum.my), dan fail yang perlu dicapai adalah fail `sektm.html`.
- (b) Bagaimanakah anda akan memasukkan gambar bangunan pusat pengajian Sains Komputer bersebelahan dengan nama pusat pengajian tersebut. (Gambar ini disimpan sebagai fail imej `skomp.gif`).
- (c) Berikah perintah HTML untuk memasukkan kata-kata aluan di atas sebagai tajuk kepala pada permulaan laman tersebut.

(15 markah)

- oooOOooo -